



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 8 FEBRUARI 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ELAK MANIPULASI HARGA, LOKAL, HM -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	DAGING IMPORT DIKAWAL KETAT, MUKA DEPAN, SH -1 DAGING SEJUK BEKU DIPERIKSA KETAT, NASIONAL, SH -2 SOROK DAGING DI SEBALIK PRODUK LAIN ANTARA MODUS OPERANDI PENYELUDUP, NASIONAL, SH -2 CABARAN JAGA PINTU MASUK NEGARA, NASIONAL, SH -3 ANGGOTA DIPROVAKASI, DIMAKI PERKARA BIASA, NASIONAL, SH -3 BERI MAQIS LEBIH KUASA, NASIONAL, SH -4 KRONOLOGI KARTEL DAGING SEJUK BEKU, NASIONAL, SH -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	PENTERNAK BAKAL GULUNG TIKAR, NASIONAL, SH -19 KETIADAAN STOK TELUR AYAM TIDAK SEPATUTNYA BERLAKU, BISNES, SH -30 PENGGUNA HARAP USAHA STABILKAN HARGA AYAM DITERUSKAN, NASIONAL, BH -14 HARGA DEDAK AYAM NAIK MELAMBUNG, NEGARA, KOSMO -16 PEMBORONG CUMA DAPAT TELUR GRED E DAN F SAHAJA, NEGARA, KOSMO -16 PENGUSAHA KURANGKAN BEKALAN AYAM BAGI TAMPUNG KOS OPERASI, NEGARA, KOSMO -16 AYAM PENCEN JADI PILIHAN, LOKAL, HM -10 HARGA AYAM RM8.90 SEKILOGRAM: PENGGUNA LEGA, LOKAL, HM -10 CARI PENYELESAIAN TERBAIK BABIT ISU BEKALAN, HARGA AYAM, LOKAL, HM -10 KERAJAAN CAKNA KELUHAN RAKYAT, LOKAL, HM -11 RUGI RM200 JUTA SEHARI, DALAM NEGERI, UM -10 TAK BERBALOI JUAL AYAM RM8.90 SEKILO, DALAM NEGERI, UM -10 PEMBORONG AYAM TUTUP OPERASI GARA-GARA TIADA BEKALAN, DALAM NEGERI, UM -10 PENYU MATI PELU BEDAH SIASAT-PAKAR, DALAM NEGERI, UM -30 CUACA KERING, SUNGAI PERAK KIAN CETEK, DALAM NEGERI, UM -30 FARMERS URGE GOVT TO HASTEN BRAN SUBSIDY DISCUSSIONS, NATION, THE STAR -2 RM8.90 A WIN-WIN SITUATION, NEWS, NST -7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Elak manipulasi harga



**PEKERJA** ladang Muhammad Haikal Zakari, 21, memeriksa sebahagian 16 ribu ekor ayam yang ditenak di sebuah ladang di Kampung Pelam, Telemong hari ini. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) memberi amaran kepada semua **rantaian pengedaran** iaitu di peringkat pengeluar, pengilang, pemborong serta peruncit bagi bekalan ayam dan telur ayam supaya tidak memanipulasi harga bahan makanan berkenaan sehingga membebankan pengguna. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dr Nik Muhammad Zawawi Nik Salleh berkata kerajaan akan mengambil tindakan tegas sekiranya ada antara mereka cuba mengambil kesempatan berbuat demikian dengan meletakkan harga lebih tinggi daripada yang dibenarkan kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/2/2022	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

Maqis kategorikan daging sejuk beku sebagai produk berisiko tinggi

# DAGING IMPORT DIKAWAL KETAT

- Susulan pendedahan *Sinar Harian* mengenai kegiatan kartel daging import pada Disember 2020, daging sejuk beku kini dikategorikan sebagai produk pertanian paling berisiko dan memerlukan pemeriksaan lebih ketat di pintu masuk negara.
- Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman berkata, kemasukan daging dari luar negara perlu melalui pemeriksaan penuh termasuk wajib menjalani ujian sampel manakala proses pelabelan turut melibatkan daging itu sendiri berbanding memadai meletak label di luar kotak sahaja seperti sebelumnya.
- Maqis juga memperkenalkan pas transit iaitu setiap daging sejuk beku memerlukan permohonan transit sebelum kontena terbabit ditutup hingga berada di pintu keluar bagi mengelakkan daging 'hilang' di tengah jalan.

**EKSKLUSIF**



**MUKA 2, 3 & 4**

# Daging sejuk beku diperiksa ketat

Dikategori produk berisiko tinggi, perlu jalani pemeriksaan 100 peratus di pintu masuk negara

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

PUTRAJAYA

**D**AGING sejuk beku telah dikategorikan sebagai produk pertanian utama paling berisiko dan memerlukan pemeriksaan 100 peratus di pintu masuk negara.

Ini susulan pendedahan eksklusif *Sinar Harian* mengenai skandal kartel daging di Senai, Johor pada Disember 2020.



SHAMSUL AKBAR

Pendedahan itu adalah hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Negeri (KPDNHEP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman berkata, peristiwa di Senai itu telah membuka mata banyak pihak termasuk Maqis sendiri untuk memperketat kemasukan daging import.

Menurutnya, selepas serbuan ke atas kartel tersebut, daging sejuk beku telah diletakkan sebagai nombor satu 'produk berisiko tinggi' bermula 1 Januari 2021.

"Dengan kata lain, bila ada isytihar kemasukan daging, kawalan kita amat ketat iaitu 100 peratus termasuklah, perlu melalui ujian sampel



Laporan muka hadapan *Sinar Harian* pada Disember 2020.

"Kita juga buat *profiling* pada produk pertanian bagi menentukan mana yang utama dan perlukan perhatian dan daging sejuk beku telah diletakkan sebagai senarai utama.

"Maqis juga telah memperketat proses pelabelan. Dulu daging sejuk beku perlu dilabel di kotak luar sahaja, tapi kini daging juga perlu melalui proses sama.

"Itu antara yang kita lakukan bagi mengelak berlakunya pe-

nyelewengan sijil halal dan sebagainya," katanya dalam wawancara bersama *Sinar Harian* di Ibu Pejabat Maqis di Putrajaya baru-baru ini.

Shamsul Akbar berkata, selain itu, Maqis juga telah memperkenalkan pas transit di mana setiap daging sejuk beku atau produk pertanian lain yang ingin ditransit ke dalam negara memerlukan permohonan sebelum kontena itu di-seal sehingga ia

berada di pintu keluar.

"Kawalan itu dibuat kerana kita tidak mahu daging hilang di tengah jalan," katanya.

Kata beliau, antara syarat utama bagi proses kemasukan produk daging sejuk beku adalah daging tersebut mesti datang dari loji penyembelhan yang sah selain disertakan dokumen sijil kesihatan serta sijil halal.

Menurut Shamsul Akbar, jika terlepas ke pasaran tempatan ia sudah tentu membimbangkan kerana status daging itu tidak diketahui sama ada halal atau bersejarah.

"Mengenai kawalan kemasukan daging sejuk beku menjelang musim perayaan, Maqis akan terus mempertingkatkan operasi secara bersepadu. Kawalan akan dibuat dengan lebih ketat bagi mengelak kemasukan yang tidak sah," ujarnya.

Tambah beliau, pihaknya juga sentiasa bekerjasama dengan agensi penguat kuasa lain seperti KPDNHEP, kastam, PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia.

## Sorok daging di sebalik produk lain antara modus operandi penyeludup

**TERDAPAT** pelbagai modus operandi atau helah yang digunakan bagi menyeludup masuk produk-produk pertanian, kata Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman.

Antaranya kata beliau, deklarasi palsu di pintu-pintu masuk seperti membawa masuk produk pertanian tetapi diisytihar sebagai produk bukan pertanian atau produk pertanian berisiko rendah bagi mengelakkan pemeriksaan dijalankan.

"Di samping itu, terdapat juga pihak yang memalsukan dokumen seperti permit import atau eksport, sijil halal, Sijil Kesihatan Veterinar dan Sijil Fitosanitasi Tumbuhan bagi memudahkan transaksi di pintu masuk dan keluar negara.

"Maqis juga mengenal pasti cubaan penyeludupan produk pertanian tanpa sebarang dokumen dengan menyembunyikan sesuatu produk pertanian bersama produk import lain yang tidak tertakluk

kepada syarat pengimportan bagi mengaburi pegawai penguat kuasa Maqis," katanya.

Tambahnya, Maqis juga tidak menafikan ada komoditi seperti daging yang disorok di sebalik produk lain.

Jelasnya, daging itu tiada dokumen dan dibawa masuk bersama produk yang ada dokumen. Itu antara yang dikesan. Malah, bukan sahaja produk daging, barangan lain seperti beras juga ada dikesan.

"Kebiasaan dan berdasarkan kes lalu seperti di Senai, Johor, dan Puchong, Selangor, daging sejuk beku secara tidak sah ini banyak dibawa masuk dari negara-negara tertentu.

"Kita percaya sindiket atau kegiatan ini dilakukan oleh syarikat yang berbeza. Bila ada peluang, mana-mana orang akan ambil peluang untuk kegiatan itu. Mungkin sebelum ini mereka terlepas dan cuba buat lagi," katanya.



Cubaan membawa masuk produk pertanian tanpa dokumen dengan cara menyembunyikannya di sebalik produk import lain sering dilakukan penyeludup.

Maqis pastikan produk pertanian halal, bebas penyakit

PUTRAJAYA

Menurut Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman, negara masih lagi bergantung kepada pengimportan produk pertanian dan makanan dalam menampung keperluan negara antaranya daging lembu dan kambing, makanan ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Adalah amat penting bagi Maqis memastikan mekanisme kawalan ke atas keluaran pertanian yang diimport dan dieksport bebas daripada ancaman perosak, penyakit serta semestinya halal bagi produk haiwan dan hasilnya dan tidak menjejaskan kesihatan rakyat Malaysia.

"Sebagai contoh, bagi sektor pertanian, Maqis mengawal ketat sebarang kemasukan mangga import terutama dari negara-negara luar di pintu masuk kerana ancaman perosak 'mango seed weevil'.

"Penyakit ini disebabkan oleh sejenis kumbang perosak yang biasanya boleh ditemui dalam biji buah mangga berkenaan dan sekiranya tidak dikawal, industri harumanis yang diusahakan di Perlis boleh lumpuh," katanya.

Tambahnya, begitu juga dengan sektor penternakan iaitu ancaman dengan kemasukan ternakan lembu dari luar negara yang mungkin boleh membawa pelbagai penyakit ternakan.

"Sebagai contoh, pada pertengahan tahun 2021, negara telah dikejutkan dengan kemasukan penyakit LSD atau dikenali dengan lumpy skin disease yang disebabkan oleh virus Capripox. Penyakit ini berpunca daripada ternakan lembu yang dibawa masuk dari negara sempadan.

"Maqis telah mengesan kes LSD pada

## Cabaran jaga pintu masuk negara



Maqis memeriksa setiap kontena yang membawa produk pertanian di pintu masuk negara.

ternakan lembu susulan daripada pemeriksaan fizikal yang dijalankan semasa tempoh kuarantin. Penyakit ini boleh merebak dengan kehadiran vektor seperti lalat dan nyamuk hingga boleh menjejaskan industri ternakan," katanya.

Jelas beliau lagi, selain itu, Maqis mengawal ketat sebarang kemasukan anjing dan kucing dari negara luar bagi mengawal penularan penyakit rabies atau anjing gila.

Ujarnya, penyakit ini bersifat zoonotik iaitu boleh menjangkiti manusia melalui gigitan anjing atau kucing yang mengandungi virus Rabies pada air liur hingga boleh membawa maut.

Tegas beliau, Maqis semestinya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar peraturan yang ditetapkan dalam mengawal aspek biosekuriti dan keselamatan agromakanan negara.

"Kita juga berharap agar semua pemain industri pertanian dan agromakanan yang terlibat menjalankan aktiviti import, eksport dan transit untuk sentiasa cakna berhubung keperluan serta syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi memastikan kelancaran urusan perdagangan.

"Perancangan sebelum menjalankan aktiviti perdagangan agromakanan perlu dibuat sebaiknya," ujarnya.

Katanya lagi, kesalahan yang berlaku di bawah Akta 728 ini, apabila disabitkan, boleh dikenakan tindakan perundangan iaitu denda sehingga tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya tertakluk kepada jenis kesalahan di bawah seksyen tertentu.

"Selain itu, Akta 728 juga memperuntukkan tindakan pengkompaunan kesalahan sebagai salah satu langkah memberi peringatan kepada pemain industri yang tidak mematuhi akta berkenaan," katanya.



**MAQIS**  
Misi - Penejaru Kemampahan biosekuriti agromakanan negara

Visi - Memperkasa kawalan biosekuriti agromakanan melalui perkhidmatan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di samping merencanakan perdagangan agromakanan melalui kecakapan perkhidmatan serta fasaliti perdagangan yang komprehensif.

**STATISTIK**

Jumlah kes rampasan bagi produk pertanian dan agromakanan melalui haiwan, tumbuhan dan ikan.

**Tahun 2020**

- 1,300 kes
- Nilai rampasan RM166 juta

**Tahun 2021**

- 1,250 kes
- Nilai rampasan RM176 juta

\* Penurunan jumlah kes sebanyak 3.84 peratus

## Anggota diprovokasi, dimaki perkara biasa



Walaupun berdepan provokasi, anggota Maqis tetap menjalankan tugas secara profesional.

ANCAMAN terhadap anggota bertugas sudah tentu berlaku dalam mana-mana agensi penguat kuasa, kata Ketua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman.

"Mereka sentiasa terdedah dengan isu berkaitan keselamatan dan ancaman.

"Di peringkat Maqis, ancaman boleh berlaku tidak kira di setiap lapisan jawatan dan sebagainya.

"Saya tetap mengingatkan mereka bahawa tugasan yang perlu dijalankan mesti mengikut prosedur dan punca kuasa

yang ditetapkan.

"Ini bagi memastikan kita sentiasa dilindungi di bawah perundangan sekiranya berlaku sebarang masalah dan tidak melangkaui punca kuasa hingga menimbulkan rasa tidak puas hati kepada mana-mana pihak," jelasnya.

Ujar beliau, berdepan dengan kata kesat dan provokasi adalah lumrah dalam kalangan pegawai dan anggotanya.

"Perkara itu biasa dan sebagai penguat kuasa, kami akan jalankan tugas dengan profesional," katanya.

# Beri Maqis lebih kuasa

Had kuasa hanya terhad di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin swasta

PUTRAJAYA

**K**etua Pengarah Maqis, Shamsul Akbar Sulaiman mendedahkan pindaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) telah mendapat kelulusan dasar di peringkat Kementerian dan beberapa proses penelitian lanjut sedang dibuat sebelum ia dapat dibentangkan ke Parlimen.

"Pindaan Akta 728 bukanlah berkisar kepada perluasan kuasa Maqis sahaja, bahkan pindaan

ini adalah bagi memastikan aspek kawalan biosekuriti dan pematuhan terutamanya yang melibatkan perdagangan antarabangsa komoditi pertanian dapat dilaksanakan dengan lebih baik untuk menjamin keselamatan industri pertanian dan makanan negara.

"Ini juga selari dengan perkembangan semasa di mana aktiviti perdagangan rentas sempadan yang semakin berkembang dan dinamik.

"Bagi memastikan peranan dan fungsi Maqis terus relevan, beberapa pindaan kepada Akta 728 yang telah digubal 10 tahun dahulu perlu dibuat," katanya.

Beliau menjangka pindaan ini dapat diluluskan pada pertengahan tahun ini.

Jelas Shamsul Akbar, had kuasa yang ada kepada Maqis hari ini adalah terhad di pintu



Maqis tiada kuasa untuk mengambil tindakan jika kesalahan dilakukan di luar pintu masuk negara.

masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin swasta sahaja.

"Jadi, dengan adanya perluasan kuasa dan sekiranya ada berlaku kesalahan di luar pintu masuk, kita masih ada kuasa untuk mengambil tindakan bagi

kesalahan yang berlaku.

"Contohnya jika ada kes di sebuah premis di Klang, Selangor, kita ada kuasa untuk geledah, sita dan sebagainya.

"Buat masa ini kita hanya di pintu masuk dan sekiranya ter-

lepas, kita akan minta bantuan daripada pihak berkuasa lain contohnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kastam untuk membantu kita," katanya.

## KRONOLOGI KARTEL DAGING SEJUK BEKU

23 November 2020

**SHAH ALAM** - Porsatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendedahkan pemah menerima maklumat berkaitan pengimportan daging sejuk beku dari negara yang diragui status halalnya. Ketua Akrivisinya, Datuk Nazzim Johan berkata, isu berkenaan jika dibuktikan akan memberi kesan besar kepada pengguna Islam.

1 Disember 2020

**JOHOR BAHRU** - Taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjulainya ke pasaran seluruh Malaysia terbongkar dalam serbuan bersepedu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai.

Hasil risikan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), kartel berkenaan yang dipercayai menyamar sebagai syarikat pembekal daging sejuk beku telah menjadikan gudang berkenaan sebagai lokasi untuk membuat label dan cap palsu yang kemudiannya ditampal pada kotak daging yang telah dibungkus semula itu.

4 Disember 2020

**JOHOR BAHRU** - Pembongkaran secara eksklusif Sinar Harian berkaitan kegiatan kartel daging sejuk tidak halal sejak menemu satu lagi kejutan mengesempatkan.

Siasatan pihak berkuasa mendapati gudang haram yang dikenali tindakan sita dalam serbuan pihak berkuasa sebelum ini bukan sahaja membungkus semula daging sejuk beku dari sumber yang tidak sah malah turut menerima kemasukan daging babi di situ.

5 Disember 2020

**JOHOR BAHRU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesyak lebih 30 bush pusat

pengedaran di negara ini mempunyai kaitan dengan sebuah gudang kartel daging sejuk beku yang digempur pihak berkuasa di Senai. Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya menjalankan siasatan dengan mengumpulkan maklumat berkaitan.

26 Disember 2020

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan perlu menyiasat dakwaan lantikan dan pegawai kerajaan mendapat habuan wang dan seks daripada kartel import daging yang melakukan pemalsuan logo halal bagi memastikan mereka bebas menjalankan aktiviti haram.

Timbalan Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Johor, Jimmy Puah Wei Tse berkata, ini kerana apa yang dilakukan sindikat kartel tersebut dan pegawai kerajaan terlibat sangat berat kesalahannya, tidak banting tulang dan mencemar nama baik industri halal negara.

28 Disember 2020

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan memberi komitmen akan menangani isu pengimportan daging yang diragui secepat mungkin, termasuk menubuhkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (JHCI) bagi menyiasatnya. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Baki berkata, perbincangan mengahalinya telah dimulakan.

29 Disember 2020

**SHAH ALAM** - Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Baki yakin KPDNHEP dapat menangani isu kartel daging import diseludup dan diragui statusnya dengan baik. Katanya, beliau berharap masyarakat dapat memberikan sokongan selain doa yang akan memantu jalan penyelesaian.



4 Januari 2021

**KUALA LUMPUR** - Dokumen dokumen sebuah syarikat pengimport bahan mentah sejuk beku sejak tahun 2015, yang dipercayai terbit 'isu kartel daging, dirampas. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, SPRM akan mengumpul semua dokumen dan akaun syarikat yang terlibat, dalam mengesan keseluruhan datang, termasuk anggota penguat kuasa terlibat melindungi kegiatan ini.

5 Januari 2021

**KUALA LUMPUR** - SPRM tidak menolak kemungkinan terdapat penglibatan syarikat ternama dalam isu kegiatan kartel penyeludupan daging sejuk beku ke Malaysia. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, siasatan menyeluruh SPRM akan dilakukan untuk membuktikan pembabitian pihak tertentu dalam kes kartel daging tersebut.

7 Januari 2021

**JOHOR BAHRU** - SPRM Johor menahan dua pegawai Maqis Johor kerana disyaki terlibat rasuah dalam melindungi kegiatan kartel import daging haram. Kedua-dua pegawai berkenaan yang berumur 27 dan 31 tahun ditahan di Pejabat SPRM Johor bagi membantu siasatan.

18 Januari 2021

**PUTRAJAYA** - Seorang pengarah syarikat ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging haram. Menerusi satu kenyataan, SPRM berkata, penahanan itu dilakukan di Johor Bahru pada Ahad.

9 Februari 2021

**JOHOR BAHRU** - Sebuah syarikat makanan sejuk beku, pengarah dan pengurus didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas 21 pertuduhan memiliki, menawarkan dan menggunakan logo halal palsu serta tanpa kelulusan bagi membekalkan daging sejuk beku pada awal Disember. Tertuduh, iaitu Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd, pengarahnya, Yong Chee Keong, 40, dan Tan Siew Huak, 42, yang masih bebas serta pengurus, Chong Kim Kuang, 48, mengaku tidak bersalah.

15 Mac 2021

**JOHOR BAHRU** - SPRM Johor, mengesahkan telah menyerahkan kertas siasatan berhubung kes kartel daging di sebuah gudang di Senai dua minggu lalu. Pengarahnya, Datuk Azmi Alias berkata, pegawai-nya melakukan siasatan secara terperinci sejak bulan Disember tahun lalu dengan mengumpulkan bukti berkaitan.

11 April 2021

**JOHOR BAHRU** - Polis membongkar kegiatan 19 syarikat pengedar daging sejuk beku import, termasuk yang diragui status halal, yang berkomploit pengedar lebih 1,000 tan makanan itu dengan mengaut keuntungan tahunan sehingga RM52 juta. Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata kesemua syarikat itu berkomploit dengan sebuah syarikat pengimport sah dari negara Brazil yang hanya layak mengimport sebanyak 27 tan daging bagi satu permit yang dikeluarkan.

Jika kerajaan tidak mempercepat subsidi pembelian dedak kepada pengeluar telur ayam.

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

**P**enternak dan pengeluar telur ayam di negara ini mendakwa bakal gulung tikar sekiranya kerajaan tidak mempercepatkan subsidi pembelian dedak kepada mereka.

Timbalan Pengerusi Gabungan Persatuan Peladang Ternakan Malaysia, Lee Yoon Yeau berkata, melalui subsidi itu sekurang-kurangnya ia dapat menampung beban kos terpaksa ditanggung mereka berikutan kenaikan harga dedak seperti jagung, kacang soya dan minyak sawit selain terbeban dengan kos utiliti serta gaji pekerja yang meningkat.

Menurutnya, dengan kaedah itu penternak juga mampu menghasilkan lebih banyak kuantiti telur ayam berbanding sekarang, sekali gus mampu menampung permintaan telur ayam menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri kelak.

“Sebab itu kita mohon agar kerajaan cepatkan perbincangan mengenai subsidi dedak ini. Kita tidak minta banyak, cukuplah sekurang-kurangnya dapat menampung kos dedak memandangkan kos ternakan semakin tinggi tapi harga telur ayam semakin menurun,” katanya ketika ditemui di sebuah kilang memproses telur ayam di Masjid Tanah di sini pada Isnin.

Beliau berkata, di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) berkuat kuasa 5 Februari hingga 5 Jun, harga runcit sebiji telur ayam di Semenanjung ialah 44 sen (Gred

# Penternak bakal gulung tikar



Yoon Yeau ketika ditomul di sebuah kilang telur ayam di Masjid Tanah pada Isnin.

A), 42 sen (Gred B) dan 40 sen (Gred C) manakala harga di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah bergantung kepada kawasan.

Katanya, dengan situasi penetapan harga telur tersebut, terdapat kemungkinan pengeluar ayam telur terpaksa mengurangkan hasil ternakan bagi mengurangkan kos, sekali gus mengurangkan beban kerugian ditanggung sejak dua tahun lepas yang mencecah jutaan ringgit.

“Kita nak bela banyak ayam telur pun tidak boleh sebab dedak mahal. Jadi, solusi sekarang adalah kurangkan ternak

ayam telur tapi ini akan mengakibatkan lebih 1,500 penternak dan pengeluar ayam telur gulung tikar,” katanya.

Dalam pada itu, Yoon Yeau berpendapat sudah tiba masanya kerajaan mula mengurangkan kebergantungan ke atas import dedak dengan menghasilkan dedak sendiri.

“Itu antara cara kita boleh kawal harga walaupun harga dedak perlu mengikut harga ditetapkan di pasaran antarabangsa.

“Jadi kita cadang agar kerajaan tanam jagung secara khusus bagi penghasilan dedak,” katanya.

8/2/2022

SINAR  
HARIAN

BISNES

30

## Ketiadaan stok telur ayam tidak sepatutnya berlaku

kawasan luar bandar.

Sepatunya pihak berkuasa mempunyai langkah ke hadapan iaitu dua atau tiga pe-  
lan tindakan mendahului iaitu mencium  
sikap helah pengeluaran atau pemborong  
ibarat kata menteri jangan cuba-cuba 'ber-  
main di luar padang', amaran Dr Nik  
Muhammad Zawawi Salleh baru-baru ini.

Masalah ini bukannya baharu malah  
ianya berulang-kali berlaku sejak puluhan  
tahun lagi dan sepatutnya pihak berkuasa  
mempunyai lebih pengalaman, ber-  
maklumat dan pakar penyiasat yang kon-  
sisten selain kuasa di tangan untuk me-  
nangani isu berkenaan.

Telur merupakan sumber protein utama  
dan dilihat antara bahan makanan termurah  
bagi semua golongan terutama pendapatan

rendah dan sederhana di negara ini.

Ini kerana setiap makanan utama rakyat  
contohnya nasi lemak, roti canai telur, kuih  
-muih semuanya membabitkan bahan ber-  
kaitan telur.

Sehubungan itu ketiadaan stok arnat  
merusungkan bukan sahaja kepada peniaga  
malah kepada pengguna yang terpaksa ber-  
belanja lebih untuk mendapatkan sumber  
protein lain.

Sampai bilakah rakyat akan ditenangkan  
dengan pengumuman yang bersifat se-  
mentara seperti kerajaan akan pantau, satu  
jawatankuasa akan dibentuk dan segala  
macam tindakan susulan oleh pihak ber-  
kuasa.

Pihak berkuasa perlu bertindak pada  
peringkat pengeluaran, pengumpulan dan

bukannya hanya pada peringkat kawalan  
harga kerana harga telah memasuki pe-  
ringkat akhir pengguna dan ada kalanya  
terlewat untuk dipertimbangkan sehingga  
masih ada mainan harga pada pembeli.

Patutlah Kongres Kesatuan Sekerja  
Malaysia (MTUC) mendesak Majlis  
Pemulihan Negara untuk bertindak lebih  
pantas dalam membendung peningkatan  
ketara harga barang dan kekurangan stok  
yang semakin menyusahkan orang-ramai.

Malah MTUC berharap KPDNHEP  
bertindak lebih pro-aktif bagi mengawal  
kenaikan harga barangan makanan asas  
sejak dahulu lagi. Sama-sama kita fikir-  
kan...

\* Meor Shahrom ialah Ketua Meja  
Bisnes



BICARA  
BISNES

MEOR SHAHROM  
ZAINUDDIN



**RASA** lega para peniaga atau penjaja  
makanan tidak berpanjangan walaupun  
berita baik bahawa kerajaan meng-  
umumkan kawalan harga telur bermula  
5 Februari hingga 5 Jun 2022.

Ini kerana di sebalik kisah kawalan  
harga, timbul pula isu stok barang  
makanan utama iaitu telur semakin su-  
sah didapati malah tiada ada langsung  
stok barang makanan berkenaan bagi



# Pengguna harap usaha stabilkan harga ayam diteruskan

**Johor Bahru:** Pengguna berharap usaha kerajaan menstabilkan harga ayam segar di pasaran menerusi subsidi sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil selama 121 hari sehingga 5 Jun nanti diteruskan sehingga harga bahan mentah itu benar-benar stabil.

Langkah itu yang menjadikan penetapan harga siling ayam segar kepada RM8.90 sekilogram itu, melegakan pengguna yang terbeban dengan kenaikan kos harga barangan sejak kebelakangan ini.

Pekerja swasta, Nor Azura Mohd Amin, 34, berkata langkah kerajaan menstabilkan harga ayam segar menerusi subsidi itu adalah usaha terpuji yang membuktikan keluh kesah rakyat sentiasa didengar.

"Kenaikan harga ayam yang sebelum ini mencecah hampir RM10.50 sekilogram amat membahankan pengguna bertukaran ia antara bahan mentah yang menjadi pilihan kebanyakannya keluar-ga.

"Apabila harga siling ayam segar ditetapkan pada RM8.90 sekilogram, ia sedikit sebanyak melegakan pengguna bertukaran

hampir setiap bulan kenaikan harga bahan mentah itu berlaku.

"Saya dan pengguna lain berharap harga siling ayam diturunkan lagi ke paras RM7.50, bagi meredakan tekanan pengguna, namun jika ia tidak dapat dilakukan, subsidi serta harga siling itu perlu dilanjutkan lebih lama," katanya kepada BH, semalam.

Rabu lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dilaporkan menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram di Semenanjung bermula Sabtu lalu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, ia akan berkuat kuasa selepas berakhirnya Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) pada Jumaat lalu, dengan harga itu akan kekal sehingga 5 Jun depan iaitu selama 121 hari bagi menjamin kestabilan harga ayam segar di pasaran.

Sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan, harga runcit ayam segar di pasaran masa ini akan melebihi RM10 sekilogram.



*Peniaga ayam, Hafizul Mohamad menunjukkan harga ayam segar yang dijual RM9.30 di gerainya di Pandan, Johor Bahru, Johor.*  
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

Sementara itu, peniaga makanan, Mohamad Izam Seran, 50, turut memuji langkah kerajaan menstabilkan harga ayam segar di pasaran.

"Peniaga makanan yang juga pengguna utama ayam segar turut terjejas apabila harga ayam

mendadak naik kepada hampir RM11 sekilogram sebelum ini.

"Saya terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan ayam bertukaran tersepit dengan harga ayam segar yang tinggi, namun langkah menstabilkan harga ayam melegakan peniaga

dan mungkin harga makanan akan diturunkan sedikit.

"Saya berharap harga siling ayam diturunkan lagi bertukaran menu ayam menjadi pilihan utama pelanggan kerana harganya yang mampu milik," katanya.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM8.90
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99
• Daging Lembu Import	RM35

• Telur Gred A	RM12.45
• Ikan Kembung	RM16.90
• Minyak Masak	RM6.70

• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.50
• Bawang Putih	RM5.50

• Cili Merah	RM9.50
• Kubis Tempatan	RM4.30
• Tepung Gandung	RM2.30

\*Harga (RM/kg) Sumber: IPDN/HEP



YAKOEB merunjukkan guni dedak yang semakin mahal ketika ditemui di Kampung Sulir, Segamat semalam.

Penternak mahu kerajaan campur tangan

## Harga dedak ayam naik melambung

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

**SEGAMAT** - Isu harga ayam dan telur ayam masih belum reda, timbul pula isu harga dedak ayam yang kembali melambung tinggi sejak akhir-akhir ini.

Seorang penternak, Yaacob Isam, 64, berkata, dia yang sudah lebih lima tahun memelihara ayam merasa terkesan dengan kenaikan harga makanan rui haiwan ternakannya itu.

"Isu harga dedak naik ini bukanlah isu baharu. Sejak wabak Covid-19 melanda negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan dari tahun 2020, harga dedak tidak menentu dan sentiasa naik.

"Bila kita tanya penjual dedak ini, mereka kata dedak diimport dari negara luar. Bila PKP, banyak stok tidak dapat masuk negara

kita. Jadi kos import membuatkan harganya mahal.

"Dulu seguni dedak 50 kilogram (kg) berharga RM98. Sekarang, seguni berharga RM144. Naik dalam 40 hingga 50 peratus," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Sulir di sini semalam.

Menurut Yaacob yang memelihara ayam kampung itu, dia juga terpaksa menaikkan harga ayam tersebut sebanyak RM2 iaitu RM19 sekilogram berbanding RM17 sekilogram sebelum ini.

Di samping itu, dia juga mengaku terpaksa mencatat pemberian dedak ini kepada ayam ternakannya kerana tidak mampu menanggung kos dedak yang terlalu tinggi.

"Sebelum PKP, saya membela 2,000 ekor ayam. Saya akan menggunakan dua kampak dedak

setiap hari untuk diberi makan kepada ayam ternakan.

"Namun sekarang tinggal 800 ekor ke 1,000 ekor ayam sahaja yang mampu saya bela. Saya hanya mampu guna setengah atau satu kampak beg dedak sahaja. Permintaan terhadap ayam kampung juga berkurangan kebelakangan ini.

"Apabila terpaksa catu dedak ayam ini, tumbesaran ayam juga lambat. Jadi saya memang mengalami kerugian dari segi modal pembelian dedak ayam dan tempoh matang jualan ayam ini," katanya.

Tambahnya lagi, kerajaan perlu bertindak segera dengan mengambil alih penjualan dan pengedaran makanan ternakan ini bagi mengawal harga silingnya yang tidak menentu bagi elak kekurangan ayam nanti.

## Pemborong cuma dapat telur gred E dan F sahaja

**KUALA TERENGGANU** - Kekurangan bekalan telur ayam yang masih meruncing memaksa pemborong hanya dapat mengedarkan jenis gred rendah di pasaran.

Seorang pemborong, Jason Tan berkata, telur ayam diterimanya hanya gred E dan F daripada pembekal sejak beberapa minggu lalu.

"Pembekal dari Melaka dan Selangor hanya hantar 12,000 papan telur ayam gred E dan F setiap minggu.

"Ikutkan telur gred itu saiznya sangat kecil dan kualitinya tidak berapa elok tetapi men-

dapat permintaan tinggi daripada pengusaha kedai makan dan restoran," katanya ketika ditemui di gudangnya di Kampung Gong Klat di sini semalam.

Jason berkata, peniaga kedai makan dan restoran terpaksa membeli telur ayam gred E dan F kerana itu sahaja pilihan yang ada pada masa ini.

Ujarnya, dia juga terpaksa hadkan penjualan kepada 2,000 papan telur ayam sehari bagi mengelakkan bekalan terputus sepenuhnya.

"Ramai merungut tidak dapat stok, tetapi itulah realitinya," jelasnya.



JASON sedang menyusun bekalan telur gred E dan F di gudangnya di Kampung Gong Klat, Kuala Terengganu semalam.

## Pengusaha kurangkan bekalan ayam bagi tampung kos operasi

**MERSING** - Gara-gara harga dedak naik mendadak, beberapa pengusaha ayam segar di negeri ini terpaksa mengurangkan bekalan ayam yang dipelihara di ladang bagi mengurangkan kos operasi.

Pengusaha ayam di Kampung Makam Mersing, Muhammad Siddiq Mohd. Sokran, 27, berkata, peningkatan kos termasuklah dari segi makanan ayam dan juga bekalan benih ayam ekoran harga ayam yang tidak boleh dijajka kenaikan dan penurunannya.

Ujarnya, rata-rata penternak mengalami tekanan kerana peningkatan kos penjagaan ayam yang juga perlu diambil kira.

"Kos operasi bagi setiap penternak berbeza bergantung kepada permintaan ayam di kawasan tersebut dan juga pengurusan kandang itu sendiri.

"Kebanyakan penternak hanya untung RM1 hingga RM1.20 setiap kilogram ayam, manakala kos operasi juga bergantung kepada jumlah ternakan dan tahap penjagaan ayam itu sendiri.

"Harga dedak pula sekarang memang sangat menjejaskan kami sebagai penternak. Ada yang terpaksa kurangkan jumlah



MUHAMMAD SIDDIQ (kiri) melihat ayam peliharaan di ladangnya di Kampung Makam Mersing, Mersing semalam.

ayam yang dipelihara sebab tak mahu tanggung kerugian," katanya kepada Kosmo semalam.

Muhammad Siddiq berkata, dia terpaksa memelihara 2,500 ekor ketika ini berbanding sebelum ini antara 4,000 hingga 5,000 ekor.

Bagi penternak ayam di Felda Lok Heng Timur Kota Tinggi, Borhanuddin Samsudin, 29, pula berkata, kerajaan perlu mengambil berat terhadap penternak ayam yang ada.

Katanya, sekiranya tiada penternak maka bekalan ayam juga akan tiada di pasaran.

"Kerajaan perlu pantau harga dedak sekiranya harga dedak tinggi penternak akan terjejas dan kemungkinannya ramai penternak yang tidak mahu bela ayam lagi.

"Bukan itu sahaja benih ayam juga kini susah untuk dapat kerana harganya yang semakin tinggi seekor RM3 sukar untuk dapat harga RM2," jelasnya.

## BEKALAN AYAM SEGAR BERKURANGAN

## Ayam pencen jadi pilihan

RM8

HARGA STANDAR  
AYAM PENCENOleh Baharom Bakar  
am@hmetro.com.my

## Kuala Terengganu

Ayam pencen yang dijual pada harga RM8 seekor kini menjadi pilihan pengguna selepas berlaku kekurangan bekalan

ayam segar di negeri ini sejak kebelakangan ini.

Peniaga ayam, Rosshidawani Ruslee, 36, dari Kampung Kubang Parit, di sini, berkata dia tidak mampu untuk memenuhi permintaan pelanggannya berikutan bekalan ayam segar yang diterima daripada

bekal berkurangan.

Katanya, walaupun harga ayam segar diturunkan kepada RM8.90 satu kilogram (kg), tetapi bekalan ayam segar sukar diperolehi.

"Kami hanya memperolehi bekalan ayam segar daripada pemborong antara 50kg dan 80kg sehari se-

dangkan pesanan dibuat sebanyak 150kg.

"Bekalan diperolehi tidak mampu untuk memenuhi permintaan pelanggan terutama pengusaha kantin asrama sekolah dan beberapa restoran," katanya ketika ditemui di geraiinya di Kampung Gong Pauh, Wa-

kaf Mempelas di sini, semalam.

Katanya, penjualan ayam segar juga terpaksa dihadkan hanya dua ekor untuk seorang pelanggan dan kini ayam pencen pula mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan.

"Sejak kekurangan ayam

segar lebih satu minggu lalu, ayam pencen mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan. Kami juga terpaksa membuat tempahan antara 100 serta 120 ekor ayam pencen sehari," katanya.

**Johor Bahru:** Penetapan harga runcit ayam standard pada RM8.90 sekilogram dibuat kerajaan yang ditampung melalui subsidi sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil diharga serta melegakan pengguna.

Malah, orang ramai berharap supaya subsidi selama 121 hari sehingga 5 Jun itu diteruskan sehingga harga bahan mentah itu benar-benar stabil.

Pekerja swasta, Nor Azura Mohd Amin, 34, berkata langkah kerajaan menstabilkan harga ayam menerusi subsidi itu adalah usaha terpuji yang membuktikan keuh kesah rakyat didengari.

"Kenaikan harga ayam, sebelum ini mencecah hampir RM10.50 sekilogram amat membebankan pengguna berikutan ia antara bahan mentah yang menjadi pilihan kebanyakan keluarga.

"Apabila harga siling ayam standard ditetapkan pada RM8.90 sekilogram, ia sedikit sebanyak melegakan pengguna berikutan hampir setiap bulan kenaikan harga bahan mentah itu berlaku.

"Sebagai pengguna saya berharap supaya harga siling ayam diturunkan lagi ke paras RM7.50 bagi meredakan tekanan namun jika ia tidak dapat dilakukan, subsidi serta harga siling itu perlu dilanjutkan lebih lama," katanya.

Rabu lalu, Kementerian



PELIAN di Pasar Chow Kit mendapat semua pembeli ayam mematuhi peraturan harga maksimum untuk ayam standard RM8.90 sekilogram. Gambar: NSTP/ATHE/ASRI

## Harga ayam RM8.90 sekilogram: Pengguna lega

**Sebagai pengguna saya berharap supaya harga siling ayam diturunkan lagi ke paras RM7.50 bagi meredakan tekanan"**

Nor Azura

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) menetapkan harga siling runcit ayam standard RM8.90 sekilogram di Semenanjung bermula Sabtu lalu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi di-laporkan berkata, ia berkuat kuasa selepas berakhir Skim Harga Maksimum Ke-luarga Malaysia (SHMKM)

pada Jumaat lalu, dengan harga itu akan kekal sehingga 5 Jun 2022 iaitu selama 121 hari bagi menjamin kestabilan harga ayam segar di pasaran.

Sekiranya tiada intervensi daripada kerajaan, harga runcit ayam segar di pasaran masa ini akan melebihi RM10 sekilogram.

Dalam pada itu, peniaga makanan, Mohamad Izam

Seran, 50, turut memuji langkah kerajaan menstabilkan harga ayam standard di pasaran.

"Peniaga makanan yang juga pengguna utama ayam turut terkejut apabila harga mendadak naik kepada hampir RM11 sekilogram sebelum ini.

"Saya terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan ayam berikutan tersepit de-

ngan harga yang tinggi, namun langkah menstabilkan harga oleh kerajaan melegakan peniaga dan mungkin harga makanan akan diturunkan sedikit.

"Saya berharap supaya harga siling ayam diturunkan lagi berikutan menu ayam menjadi pilihan utama pelanggan kerana harganya yang mampu milik," katanya.

**Seremban:** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) perlu mencari jalan penyelesaian terbaik berdasarkan situasi 'menang-menang' terhadap isu bekalan dan harga ayam mentah di negara ini.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata, masih ada kalangan pengeluar atau penternak enggan mematuhi harga ayam pada kadar RM8.90 sekilogram (kg) ditetapkan kerajaan atas alasan kos operasi yang tinggi.

Katanya, laporan menyen-

## Cari penyelesaian terbaik babit isu bekalan, harga ayam

takan kenaikan harga ayam berpunca kenaikan harga makanan ternakan itu.

"Penetapan harga itu dipercayai tidak dapat menampung kos operasi pengeluaran dan penternak dan ini sudah tentu akan memberi kesan dari segi bekalan ayam seperti mana yang berlaku memabatkan kekurangan bekalan telur ayam ketika ini.

"Saya khawatir bekalan ayam pula akan berkurangan pada minggu-minggu

akan datang susulan penetapan harga ini.

"Jadi kita minta perkara ini dibincangkan di peringkat Kementerian bersama pembekal makanan, penternak dan pengusaha supaya mencari jalan penyelesaian, mencari titik naktah di mana sebenar kosnya," katanya.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri tidak mampu untuk mem-

**"Kita minta perkara ini dibincangkan di peringkat Kementerian"**

Aminuddin



berikan subsidi kepada pengguna dan ini pastinya akan membebankan rakyat keseluruhannya.

Dalam tinjauan ke beberapa pasar sekitar daerah ini semalam, mendapati rata-rata peniaga menetapkan harga ayam sekitar RM8.50

sehingga RM8.90 namun ada segelintir daripadanya menjual RM9.00 sekilogram.

Sebelum ini, media melaporkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata kerajaan menetapkan harga runcit bagi ayam standard pada RM8.90 berkuat kuasa Sabtu lalu hingga 5 Jun depan bagi menjamin kestabilan harga ayam dan harga makanan berkaitan.

## PENURUNAN HARGA SILING AYAM SEGAR

## Kerajaan cakna keluhuan rakyat

Oleh Nurul Hidayah  
Bahaudin, Hazira Ahmad  
Zaidi & Mohamed Farid  
Noh  
am@hmetro.com.my

## Kajang

**P**enurunan harga siling ayam sebanyak 20 sen setiap kilogram yang berkuatkuasa Sabtu lalu membantu mengurangkan beban rakyat terutama golongan berpendapatan rendah (B40).

Seorang pelukis, Mohamad Noor Haikal Samsudin, 36, berkata, ada banyak manfaat diperolehnya yang tergolong dalam B40 dengan penurunan makanan asas itu.

"Ketika ini, ekonomi tidak menentu dan ramai orang tengah bergelut untuk kelangsungan hidup. Langkah kerajaan menurunkan harga ayam yang juga makanan asas adalah tindakan bijak dalam meringankan beban rakyat.

"Contohnya saya sendiri membeli dua hingga tiga ekor ayam setiap bulan dengan anggaran harga sebelum ini kira-kira RM34 untuk dua ekor ayam.

"Walaupun pengurangan harga itu tidak begitu drastik namun jumlah yang sedikit itu dapat dijitakan untuk membeli barangan keperluan lain," katanya yang ditemui di sebuah pasar raya, di sini, semalam.

Mohamad Noor Haikal berkata, beliau berharap harga ayam akan terus dikawal bagi memastikan ia tidak melonjak semula menjelang musim perayaan.

"Tidak lama lagi, kita akan menyambut bulan Ramadan dan Aidilfitri. Saya harap harga ayam akan terus terkawal dan tidak meningkat ketika tempoh itu (perayaan).

"Pada masa sama, saya harap isu bekalan ayam juga dapat diselesaikan memandangkan ada sesetengah tempat mengehendak pembelian ayam dengan alasan kekurangan bekalan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pengunjung pasar raya berkenaan, Nur Syafiqah Sided, 31, berkata, penurunan harga siling itu amat membantu terutama bagi golongan yang memerlukan.

"Saya membeli ayam dua minggu sekali kerana ia adalah makanan harian bagi



PENIAGA di Pasar Wakaf Che Yeh menjual ayam pada harga RM8.90 sekilogram bagi ayam standard yang disarankan pihak berkuasa. *Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR*

keluarga kami. Dengan penurunan harga itu, kami mendapat manfaat apabila dapat membelinya dengan harga lebih murah berbanding sebelum ini.

"Sebagai pengguna, pastinya saya tidak mahu harga ayam terus meningkat kerana akan ada perasaan serba salah untuk membeli memandangkan harganya mahal.

"Justeru itu, saya harap kerajaan akan terus membantu rakyat dalam memastikan harga ayam mampu untuk dibeli pada harga berpatutan pada jangka masa panjang," katanya yang juga seorang juruteknik.

Sebelum ini, media melaporkan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mengenai Industri Pengeluaran Makanan memutuskan harga runcit maksimum bagi ayam standard dikurangkan sebanyak 20 sen kepada RM8.90 daripada harga siling RM9.10 yang ditetapkan.

Sementara itu, di Kota Bharu, pengguna menyambut baik keputusan kerajaan yang menetapkan harga siling bagi ayam standard RM8.90 sekilogram memandangkan harga dijual sebelum ini mengalami turun naik sehingga membimbangkan mereka.

Tinjauan di Pasar Wakaf



**Peniaga makanan yang juga pengguna utama ayam segar turut terjejas apabila harga ayam mendadak naik kepada hampir RM11 sekilogram sebelum ini"**

Mohamad Izam

Che Yeh mendapati kebanyakan pengguna amat berharap agar harga siling bagi sekilogram ayam dapat dikurangkan lagi berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat selain banyak barangan keperluan lain yang turut sama mengalami kenaikan harga.

Kakitangan kerajaan, Nina Farhana Ishak, 33, berkata, dia yang mempunyai ahli keluarga ramai menyambut baik harga siling

ayam standard dikurangkan 20 sen walaupun nilainya kecil, ia membantunya untuk berjimat.

"Penurunan harga ini banyak membantu mengurangkan kos perbelanjaan harian kerana harga ayam dijual sebelum ini sentiasa mengalami turun naik dan ada yang dijual sehingga RM10 sekilogram sekali gus menyebabkan pengguna dalam dilema sama ada mahu membelinya ataupun tidak.

"Bagaimanapun, saya berharap harga siling ayam ini dapat diturunkan lagi dan pada masa sama, pihak berkuasa khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu sentiasa melakukan pemeriksaan dan pemantauan harga bagi memastikan tidak ada peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga ayam dengan sesuka hati," katanya ketika ditemui di Kota Bharu di sini, semalam.

Pesara kerajaan, Ahmad Zaidi Mohd Noor, 61, bersyukur kerana kerajaan mengambil serius menangani harga barang keperluan disebalik kos sara hidup rakyat kini semakin meningkat.

"Alhamdulillah, kerajaan mengambil cakna dengan keluhan rakyat kini semakin terbeban dengan kenaikan

harga barang keperluan harian, malah ada antara mereka yang berdepan dengan pelbagai kemelut untuk menara keluarga ketika negara dilanda pandemik Covid-19.

"Sebelum ini, harga ayam naik berterusan dan hanya ada kalanya turun sedikit, dan saya berharap agar penurunan harga siling ayam ini dapat dikembalikan secara konsisten dengan kawalan harga bermula daripada peladang sehingga peniaga," katanya.

Sementara itu, suri rumah Rosnah Wan Isa, 77, berkata, penurunan harga siling ayam standard memberi sedikit kelegaan kepadanya yang setiap hari berbelanja barang basah di pasar berdekatan.

"Saya berterima kasih atas keprihatinan kerajaan dalam membantu mengurangkan beban ditanggung rakyat dan dalam masa sama, turut berasa gembira apabila harga ayam turun walaupun tidak banyak.

"Sepanjang tempoh harga ayam naik dan turun, saya tetap juga membeli ayam kerana hidangan lauk ayam menjadi menu wajib bagi cucu-cucu setiap kali mereka menjamu selera dan apabila harga siling ayam turun, bolehlah saya berjimat sedikit," katanya.

Manakala di Johor Bahru

pula, usaha kerajaan menstabilkan harga ayam segar di pasaran menerusi subsidi sehingga kos pengeluaran ayam kembali rendah dan stabil, dihargai pengguna di bandar raya ini.

Pengguna di bandar raya ini turut berharap supaya subsidi selama 121 hari sehingga 5 Jun nanti dengan penetapan harga siling ayam segar kepada RM8.90 sekilogram itu, diteruskan sehingga harga bahan mentah itu benar-benar stabil.

Pekerja swasta, Nor Azura Mohd Amin, 34, berkata langkah kerajaan menstabilkan harga ayam segar menerusi subsidi itu adalah usaha terpuji yang membuktikan keuh kesah rakyat didengari.

"Kenaikan harga ayam yang sebelum ini memecah hampir RM10.50 sekilogram amat membebaskan pengguna berikutan ia antara bahan mentah yang menjadi pilihan kebanyakan ketuarga.

"Apabila harga siling ayam segar ditetapkan pada RM8.90 sekilogram, ia sedikit sebanyak melegakan pengguna berikutan hampir setiap bulan kenaikan harga bahan mentah itu berlaku.

"Saya dan pengguna lain berharap supaya harga siling ayam diturunkan lagi ke paras RM7.50, bagi meredakan tekanan pengguna, namun jika ia tidak dapat dilakukan, subsidi serta harga siling itu perlu dilanjutkan lebih lama," katanya ketika dihubungi.

Dalam pada itu, peniaga makanan, Mohamad Izam Seran, 50, turut memuji langkah kerajaan menstabilkan harga ayam segar di pasaran.

"Peniaga makanan yang juga pengguna utama ayam segar turut terjejas apabila harga ayam mendadak naik kepada hampir RM11 sekilogram sebelum ini.

"Saya terpaksa menaikkan harga makanan berasaskan ayam berikutan tersepit dengan harga ayam segar yang tinggi, namun langkah menstabilkan harga ayam melegakan peniaga dan mungkin harga makanan akan diturunkan sedikit.

"Saya berharap supaya harga siling ayam diturunkan lagi berikutan menu ayam menjadi pilihan utama pelanggan kerana harganya yang mampu milik," katanya.

3,000 penternak ayam dakwa skim harga maksimum punca bekalan terjejas

## Rugi RM200 juta sehari

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani\_bakar@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak 3,000 penternak ayam di seluruh Semenanjung kerugian RM200 juta sehari sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) apabila menanggung kenaikan kos pengeluaran.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, kerugian para penternak menyebabkan mereka terpaksa menutup operasi sete-

lah tidak mampu menampung kos dan kerugian dialami pada nilai setiap kilogram ayam yang dijual.

Beliau menjelaskan, penutupan operasi tidak dapat dilakukan itu adalah antara punca kekurangan stok bekalan ayam dan telur seperti yang berlaku di seluruh negara sejak kebelakangan ini.

"Apabila kerajaan melaksanakan skim harga, harga jualan ayam kepada pengguna terpaksa dikurangkan sedangkan kos pengeluaran meningkat. Akhirnya yang tanggung kos kerugian adalah peternak, di samping itu

kita tidak terima apa-apa subsidi atau bantuan kerajaan.

"Memandangkan ada dalam kalangan peternak tidak mampu lagi tanggung kerugian, mereka akhirnya terpaksa tutup operasi perniagaan.

"Bila ini berlaku, secara langsung memberikan kesan kepada rantaian bekalan ayam di seluruh negara dan kini pun sudah berlaku kebelakangan ini," katanya.

Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) baru-baru ini memutuskan harga maksimum runcit bagi ayam standard dikurangkan 20 sen da-

ripada harga siling yang ditetapkan sekarang menjadi RM8.90 manakala harga telur ayam semua gred kekal seperti harga kawalan SHMKM semasa bermula 5 Februari sehingga 5 Jun ini.

Sebelum itu, bermula 1 Januari hingga 4 Februari, kerajaan melaksanakan SHMKM membatalkan 12 barangan bawah kategori ayam, telur ayam dan sayuran sebagai langkah jangka pendek menstabilkan harga barang dan keberadaan bekalan dalam pasaran.

Dalam pada itu, Jeffrey membangkitkan khabar berita subsidi

seperti yang dijanjikan kerajaan kerana sehingga kini, para penternak masih belum menerima sebarang maklumat berhubung perkara itu bagi menampung kos dialami mereka.

Kata beliau, para peternak amat memerlukan subsidi tersebut supaya dapat mengurangkan beban terpaksa ditanggung dan secara langsung dapat memulihkan rantaian bekalan ayam.

"Memang kita ada berita subsidi, tetapi sehingga kini tidak dimaklumkan mekanisme dan waktu tempoh akan disalurkan kepada para peternak," katanya.

## Tak berbaloi jual ayam RM8.90 sekilo

**SEREMBAN:** Keputusan kerajaan menurunkan harga ayam standard kepada RM8.90 sekilogram yang berkuat kuasa 5 Februari lalu menjejaskan pendapatan penjual ayam segar kecil-kecilan.

Tinjauan di beberapa gerai jualan ayam segar di Sikamat di sini mendapati, setiap kilogram ayam segar dijual pada harga RM9.30.

Salah seorang peniaga, Mohd. Redhwan Kamaruddin, 39, berkata, sebagai peniaga kecil di tepi jalan, dia terpaksa menjual pada harga tersebut bagi membolehkannya mendapat sedikit keuntungan.

Katanya, memandangkan harga daripada pembekal adalah RM8.50 sekilogram, tidak berbaloi untuknya menjual pada harga RM8.90 sekilogram seperti yang ditetapkan kerajaan.

"Susah untuk kami yang berniaga kecil-kecilan ini untuk jual ayam pada harga tersebut. Berapa sahaja yang dapat kami peroleh dengan harga tersebut kerana kami juga perlu menanggung kos-kos lain seperti kos pekerja dan pengangkutan.

"Jangan bandingkan harga kami dengan pasar raya kerana keuntungan mereka boleh ditampung dengan jualan barang-barang lain. Mereka juga kebanyakannya jual ayam sejuk beku dan bukan ayam segar seperti kami.

"Saya harap kerajaan mencari jalan penyelesaian dalam isu harga ayam ini namun jangan jadikan kami peniaga kecil-kecilan sebagai mangsa keadaan. Selesaikan masalah yang bermula di peringkat ladang lagi," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memaklumkan, langkah intervensi kerajaan menetapkan harga runcit bagi ayam standard pada RM8.90 berkuat-kuasa Sabtu lalu hingga 5 Jun ini adalah bagi menjamin kestabilan harga ayam dan harga makanan berkaitan.

Sementara itu, bagi golongan pembeli, mereka menyambut baik langkah kerajaan tersebut namun mengakui memahami keadaan sekiranya ia dijual pada harga yang lebih sedikit berbanding yang telah ditetapkan.

Seorang pembeli di Seremban 2, Mohd. Zahadi Yusran, 43, berkata, sebagai pengguna, dia mahu membeli ayam segar dengan harga yang lebih rendah.

"Sekiranya harga yang dijual naik sedikit kami faham kerana ayam itu dijual peniaga secara segar dan telah dibersihkan. Sebagai pengguna tentunya saya harap agar kerajaan dapat kekalkan harga sebegini," katanya.



**PENIAGA ayam terpaksa menghadkan jualan berikutan bekalan yang berkurangan di Kuala Terengganu dalam tinjauan semalam. - UTUSAN/TENGGU DANISH BAHRI TENGGU YUSOFF**

## Pemborong ayam tutup operasi gara-gara tiada bekalan

**KUALA TERENGGANU:** Isu kekurangan ayam di daerah ini makin meruncing hingga memaksa segelintir pemborong menghentikan sementara operasi perniagaan mereka gara-gara tiada bekalan.

Keadaan itu sekali gus menghimpit golongan peniaga kedai makan yang kini buntu mencari stok ayam di merata-rata tempat.

Pemilik Mek Jang Cafe, Norharizan Hassan, 43, berkata, pemborong lazimnya di Pasar Cabang Tiga di sini menutup perniagaan selama tiga hari sejak Jumaat lalu disebabkan ketiadaan ayam daripada pembekal.

Katanya, penutupan kedai

pemborong ayam itu turut dikesan di sekitar Pulau Rusa dan di Simpang Tokku.

"Sebelum ini, saya cuma bergantung kepada satu pemborong tetapi kini terpaksa mencari hingga tiga pemborong untuk dapatkan bekalan. Setiap malam saya rungsing memikirkan mahu cari ayam di mana kerana memerlukan sehingga 40 ekor sehari bagi melancarkan perniagaan kedai nasi ganja yang diusahakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid memberi jaminan

isu gangguan bekalan ayam dan telur di pasaran dapat diselesaikan akhir bulan ini.

Sementara itu, seorang peniaga ayam yang ingin dikenali sebagai Rusli Abdullah, 37, berkata, bekalan ayam yang diterima hari ini berkurang kepada 300 ekor berbanding kebiasaan 600 ekor.

"Sudah lebih seminggu lalu berlarutan, namun semakin meruncing hujung minggu ini. Saya tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan tetap yang sudah biasa menempah 150 ekor ayam kerana mahu memastikan orang lain juga boleh membeli," katanya.

# Penyu mati perlu bedah siasat-pakar



MOHD. UZAIR RUSLI

Oleh ROSALINDA MD.SAID  
rosalinda.said@mediamula.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan disaran menjalankan bedah siasat ke atas setiap bangkai penyu yang ditemukan di negara ini bagi mengenal pasti punca sebenar kematian reptilia marin itu.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, pemeriksaan luaran sahaja tidak mencukupi, sebaliknya kaedah secara saintifik perlu digerakkan segera bagi men-

gurkan kadar kematian penyu yang makin membimbangkan terutama di Terengganu.

Katanya, menerusi proses bedah siasat, pakar autopsi mampu mengesan punca di samping menganggarkan lokasi kematian haiwan terancam itu berdasarkan pemodelan lautan.

"Di negara yang cuacanya ekstrem, ada kes penyu membeku selain keracunan akibat tumpahan minyak, sekali gus menyebabkan kematian penyu meningkat.

"Saya bimbang jika kematian penyu di Malaysia berpunca daripada sesuatu perkara baha-

ru yang tidak pernah kita tahu, jadi bedah siasat amat penting untuk mencari jawapan sebenar dan bukan sekadar andaian sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Terengganu merekodkan kes kematian penyu tertinggi dalam sejarah apabila 17 bangkai reptilia marin itu ditemukan sepanjang bulan lalu.

Menurut Mohd. Uzair, sudah lama proses bedah siasat penyu tidak dilakukan dan cabaran kini adalah dari segi tenaga kerja dan kepakaran yang terhad.

Sehubungan itu, katanya,

kerajaan perlu memperuntukkan dana khas bagi melatih penyelidik di samping penyediaan kelengkapan berkaitan.

"Langkah proaktif yang diambil ini terasak penubuhan pasukan autopsi sekali gus menggambarkan persiapan Malaysia untuk masa depan kerana pemuliharaan penyu sama pentingnya seperti Dasar Jaminan Bekalan Makanan negara.

"Jika penyu pupus, ekosistem lautan akan lumpuh dan tidak seimbang lagi, akhirnya sektor perikanan turut terjejas teruk," katanya.

## Cuaca kering, sungai Perak kian cetek

**TELUK INTAN:** Cuaca panas dan tiada hujan sejak kebelakangan ini menyebabkan paras air Sungai Perak di sini, semakin cetek serta muncul beting-beting pasir.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam mendapati, keadaan itu berlaku sejak lebih dua minggu lalu akibat fenomena cuaca panas yang melanda negara ketika ini.

Dengan suhu cuaca yang tinggi, tiada lagi air sungai mengalir deras sebaliknya beting-beting pasir munculi di permukaan sungai.

Bagi penduduk dan nelayan sungai di Kampung Esso di sini, keadaan itu membimbangkan mereka apabila melihat paras air sungai yang semakin cetek.

Menurut mereka, walaupun Sungai Perak pernah cetek pada musim panas, kali ini ia berlaku pada awal tahun berbanding sebelum ini.

Mohd. Anuar Salleh, 34, berkata, musim panas ketika ini menyebabkan paras air cepat surut

sehingga menampakkan beting pasir sehingga ke tengah sungai.

"Keadaan Sungai Perak sekarang sudah berubah, jika sebelum ini airnya dalam dan mengalir deras tetapi ini sebahagiannya sudah menampakkan beting pasir yang begitu luas.

"Keadaan ini sudah tentu membimbangkan kami jika cuaca panas berterusan sudah tentu air Sungai Perak terus cetek," katanya.

Menurutnya, sungai cetek menjejaskan hasil tangkapannya sebagai nelayan di Sungai Perak. Sebagai contoh hasil udang galah Sungai Perak merosot akibat cuaca panas dan kering.

"Untuk dapat ikan atau udang amat sukar sekarang. Kena tunggu lama hingga lima hingga tujuh jam untuk mendapatkan hasil, itu pun tidak sebanyak seperti sebelum ini. Jika tidak sebelum ini ikan sungai seperti baung, baung merah dan patin mudah diperolehi," ujarnya.



KEADAAN beting pasir yang muncul berikutan air Sungai Perak semakin cetek semasa musim panas ketika tinjauan di Teluk Intan, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

# Farmers urge govt to hasten bran subsidy discussions

**ALOR GAJAH:** The Federation of Livestock Farmers Associations of Malaysia (FLFAM) has urged the government to speed up discussions on subsidising the purchase of bran to help its members stay afloat.

Its deputy president Lee Yoon Yeau said this is the appeal of the farmers and egg-producing hen breeders to ensure their survival and the continued production of

chicken eggs, which has been hit since early this year.

He said the egg supply and layer hen production chain could be facing problems if this matter takes too long to settle, adding that it would worsen by Ramadan and Aidilfitri.

"It is not because we are hiding egg stocks and causing shortages in the market because, indeed, egg production is low now because we

had to reduce the rearing of egg-laying hens. This was because we could no longer accommodate the costlier price of bran.

"As such, we appeal to the government to speed up the discussions on bran subsidy," he said when met by reporters at his egg-producing farm in Masjid Tanah here yesterday.

"We don't ask for much, enough

at least to meet the cost of bran, seeing that the cost of livestock is getting higher but the prices of eggs are going down further," he was quoted as saying by Bernama.

Under the Malaysian Family Maximum Price Scheme, in force from Feb 5 to June 5, the maximum retail price of eggs in the peninsula is 44 sen (Grade A), 42 sen (Grade B) and 40 sen (Grade C) while the

prices in Sabah, Sarawak and Labuan are dependent on locations.

Lee said that with the egg price-fixing situation, there is a possibility that producers of egg-laying chickens would be forced to further reduce their livestock.

He said this would help reduce the burden of losses they had to bear for over two years, which has now run into millions of ringgit.

## EVERY SEN COUNTS

# RM8.90 a win-win situation

Consumers, sellers laud move to reduce ceiling price of chicken by 20 sen

## KUALA LUMPUR

**M**ANY consumers expressed satisfaction with the reduction of the standard price of chicken by 20 sen to RM8.90, as announced by the government recently.

Single mother Cornelia Jadlocon, 58, is glad that the government intervened to control the price as she buys her groceries at the market.

"As a single mum, every sen counts.

"I think it is a good move as during the pandemic, many people were affected by a loss or reduction in income, including myself. I do not have a high salary, so it really helps," she said.

Zafran Muhaimin, 21, a student who goes to a local supermarket to buy necessities for his family, also noticed the price difference.

He said any price drop would help him and his family because there were eight people in his family.

"My parents are the only ones working. It is worrying that a lot of expenses are increasing.

"Knowing that the prices of a few basic items have dropped will help us financially."

Hemavanan Krishna Kumar, 26, a customer service officer, said the price drop had helped him.

He said he appreciated the effort by the government to help alleviate some of the burden faced by the people.

However, he believed that the price was still high for B40 families.

"But for me, the money saved can be used for other expenses."

Checks at hypermarkets and supermarkets found that operators have been imposing the price of RM9.90 per kg for chicken.

Customers were seen checking their chicken before deciding to buy.

Mydin Mohamed Holdings Bhd's managing director Datuk Ameer Ali Mydin welcomed the government's move to provide a subsidy to enforce the ceiling price for standard chicken.

He said this was a win-win situation for consumers and sellers.

However, he said, the focus should now shift to ensuring the supply of chicken was stable.

He visited some of his competitors in Terengganu and found lower supplies of chicken there.



A woman checking a chicken at Pasar Awam Lebuh Cecil in George Town on Sunday. PIC BY MIKAIL ONG



(From left) Cornelia Jadlocon, Zafran Muhaimin and Hemavanan Krishna Kumar

"The government should investigate and make sure the supply is stable.

"If not, the price control will not be helpful. People will find it difficult to even buy one chicken even though the price is cheaper than before," he said.

The National Action Council on Cost of Living meeting on the food production industry last month, chaired by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, announced that the maximum retail

price for standard chicken would be reduced by 20 sen to RM8.90 from the fixed ceiling price of RM9.10.

The price control is effective from Feb 5 to June 5 this year.

This was the third time the price of chicken was reduced after it was fixed at RM9.50 per kg during the Deepavali celebration, RM9.30 during the Malaysian Family Maximum Price Scheme (SHMKM) (Dec 7 to 31, 2021), and RM9.10 during SHMKM (Feb 1 to 4). **By Mohamed Basyir and Caroline Gan**



Chicken seller Hafizul Mohamad, 40, showing that only stale chicken is left following low supplies of fresh ones at his stall in Johor Baru on Sunday. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN